



PRUDENTIAL

# PRUWith You Plus

Pelan hayat anda yang turut melindungi *orang tersayang.*



PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Prudential Assurance Malaysia Berhad  
198301012262 (107655-U)  
Ahli PIDM

## Insurans hayat dan pelaburan dalam satu pelan fleksibel yang melindungi anda dan kini orang tersayang juga.

Dalam menempuh perjalanan hidup, perlindungan anda harus sentiasa meningkat bersama anda setiap langkah. **PRU**With You Plus ialah pelan insurans hayat dan pelaburan, disesuaikan untuk keperluan unik anda yang melindungi anda sekeluarga.

Pelan ini menyediakan Sum Assured Booster yang meningkatkan perlindungan anda dari masa ke masa dengan lanjutan automatik tempoh polisi sehingga umur 100 tahun<sup>#</sup> yang memberikan keselamatan dan ketenangan minda. Ia juga memberi perlindungan kepada anak-anak anda dari lahir sehingga umur 7 tahun tanpa kos tambahan, memastikan si kecil anda dilindungi.

**PRU**With You Plus bukan sahaja melindungi anda tetapi juga melindungi apa yang paling penting - orang tersayang anda. Jaminkan masa depan anda dan orang tersayang dengan penuh keyakinan, mengetahui anda mempunyai perlindungan menyeluruh yang meningkat bersama anda. Kerana apa yang penting bagi anda, adalah keutamaan kami.



# Ringkasan Manfaat



## Perlindungan yang meningkat bersama anda dengan Sum Assured Booster

Nikmati peningkatan perlindungan anda tanpa kos tambahan. Jumlah perlindungan anda meningkat 1% setiap tahun<sup>1</sup> sehingga 50% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas (BSA), memastikan perlindungan yang berterusan. Jumlah ini dibayar apabila berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)<sup>2</sup> atau apabila matang pada umur 100 tahun.



## Perlindungan yang diperluaskan untuk si kecil anda juga dengan Manfaat Kanak-kanak<sup>3</sup>


Dari lahir hingga umur 7 tahun, semua anak anda akan dilindungi secara automatik dengan perlindungan kematian dan penyakit khusus kanak-kanak, menawarkan tambahan 30% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas anda tanpa pengunderaitan ataupun kos tambahan.



## Mengganjari peristiwa penting dalam hidup anda dengan Manfaat Pencapaian Matlamat<sup>4</sup>

Raikan peristiwa penting dalam hidup anda dengan ganjaran tunai sebanyak RM500 sekali apabila anda mencapai mana-mana daripada 5 pencapaian berikut:

- Mengembara ke 10 negara
- Menggandakan gaji anda
- Memiliki rumah
- Berkahwin
- Menimang cahaya mata



## Rider komprehensif untuk dipilih mengikut keperluan anda

Sesuaikan perlindungan anda dengan rider yang fleksibel seperti insurans perubatan, insurans penyakit kritikal, insurans kemalangan dan insurans pembayar untuk memastikan perlindungan yang menyeluruh.

<sup>1</sup>Bermula dari tahun polisi ke-2.

<sup>2</sup>Sum Assured Booster untuk TPD adalah sehingga 50% daripada Jumlah Diinsuranskan TPD.

<sup>3</sup>Terpakai untuk polisi dengan tempoh polisi 70 tahun pada hari jadi yang akan datang (ANB) dan ke atas semasa permulaan polisi.

<sup>4</sup>Terpakai untuk hayat yang diinsuranskan dengan umur kemasukan 25 ANB atau ke bawah.

## Langkah Pertama Menuju Alam Dewasa

Umur 22

0% Sum Assured Booster

Kenali Ethan. Dia baru sahaja memulakan pekerjaan pertamanya dan memutuskan untuk menjamin masa depannya dengan PRUWith You Plus, memilih jumlah diinsuranskan asas sebanyak RM50,000. Selain itu, dia memilih PRUMillion Med Active 2.0 sebagai rider perubatan insurans, menjadikan jumlah premium bulanan keseluruhannya kepada RM200.



## Nikmati Usia Emas

Umur 80

50% Sum Assured Booster

Apabila Ethan memasuki usia emas, tempoh polisinya secara automatik dilanjutkan sehingga umur 100 tahun\*, memastikan dia memiliki perlindungan sepanjang hayat.



## Mendirikan Rumah Tangga

Umur 32

10% Sum Assured Booster

Ethan bakal berkahwin dan telah memutuskan untuk menaik taraf perlindungan insuransnya. Dia meningkatkan jumlah diinsuranskan asas kepada RM100,000 dan menambah rider Insurans Penyakit Kritikal dengan Total Multi Crisis Care sebanyak RM100,000 sebagai pengganti pendapatan untuk melindungi diri dan isterinya sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini.

## Menyambut Kehidupan Baru

Umur 34

12% Sum Assured Booster

Dua tahun kemudian, Ethan dan isterinya menyambut kelahiran anak pertama mereka. Detik yang sangat mengujakan dengan tanggungjawab baharu. Mujurlah pelannya secara automatik telah memperluaskan perlingkungannya kepada anaknya tanpa kos tambahan, menawarkan tambahan 30% daripada jumlah diinsuranskan asas untuk anaknya sehingga umur 7 tahun.

## Keluarga yang Semakin Berkembang

Umur 37

15% Sum Assured Booster

Keluarga Ethan semakin besar dengan kelahiran anak kedua mereka. Pelannya kini menyediakan perlindungan tambahan 30% untuk setiap seorang anaknya sehingga umur 7 tahun, tanpa kos tambahan.

## Ganjaran Tunai untuk Peristiwa Penting yang Dicapai

Umur 47

25% Sum Assured Booster

Ethan gemar mengembara dan bersama keluarganya, dia telah mengembara ke 10 negara yang berbeza. Dia diberi ganjaran sebanyak RM500 sebagai Manfaat Pencapaian Matlamat.

## Perlindungan Seabad

Umur 100

50% Sum Assured Booster

Ethan hidup dengan sihat dan menikmati umur yang panjang sehingga umur 100 tahun. Dengan tempoh polisi dilanjutkan sehingga umur ini, dia akan menerima Jumlah Diinsuranskan, Sum Assured Booster dan Nilai Akaun secara keseluruhan pada tempoh matang, membolehkannya menikmati usia emasnya bersama orang tersayang.

Nota:

\*Senario kes adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja. Premium yang disebut harga pada permulaan adalah berdasarkan lelaki bukan perokok berumur 22 tahun, kelas pekerjaan 1, Jumlah Diinsuranskan Asas PRUWith You Plus RM100,000, tempoh polisi sehingga ANB 80, 100% dana ekuiti, PRUMillion Med Active 2.0 Pelan 200 dengan deduktibel RM500 dengan bayaran premium bulanan melalui kad kredit.

#Produk ini dilengkapi dengan Perlanjutan Tempoh Perlindungan untuk melanjutkan tempoh pelan asas sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun. Bagi rider(-rider), jika berkenaan, tempoh rider akan dilanjutkan sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun atau tempoh perlindungan maksimum bagi rider, mana-mana yang lebih awal.



Tingkatkan perlindungan anda dengan rider tambahan:

- Insurans Perubatan
- Insurans Penyakit Kritikal
- Insurans Kemalangan
- Insurans Ibu dan Bayi
- Insurans Pembayar Dan banyak lagi...

## Nota Penting dan Penafian

- PRUWith You Plus** adalah pelan berkaitan pelaburan bayaran berkala yang diuraikan oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U), yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan umur dicapai kecuali dinyatakan.
- Pembelian insurans hayat adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) menepati keperluan anda dan anda mampu membayar amaun premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk berbuat demikian, kami menyarankan anda supaya berbincang dengan Perancang Kekayaan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan berdasarkan maklumat yang diberikan. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut. Kadar caj insurans untuk rider Insurans Perubatan dan Kesihatan ditunjukkan di laman web Prudential.
- Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas penyelesaian dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk **PRUWith You Plus**, Ilustrasi Produk dan Lembaran Fakta Dana (jika ada) sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk ciri-ciri penting, manfaat, pengecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi.
- Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda nilai unit (pada harga unit Tarikh penilaian berikutnya selepas tarikh pemberitahuan) tambah dengan premium yang tidak diperuntukkan, caj (sebarang caj insurans, caj perkhidmatan, caj pemprosesan dan caj-caj lain, mana yang berkenaan) dan cukai (jika ada) yang telah kami tolak dan juga akan menolak perbelanjaan perubatan yang kami mungkin telah bayar atau bersetuju untuk bayar.
- Produk ini didatangkan dengan Perlanjutan Tempoh Perlindungan untuk melanjutkan tempoh pelan asas sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun. Bagi rider(-rider), jika berkenaan, tempoh rider akan dilanjutkan sehingga Ulang Tahun Polisi yang mana Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 100 tahun atau tempoh perlindungan maksimum bagi rider, mana-mana yang lebih awal. Melainkan anda memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan, polisi anda akan dilanjutkan secara automatik selagi ia mempunyai nilai unit-unit yang mencukupi untuk menolak bayaran caj-caj, yuran-yuran dan cukai-cukai yang berkaitan semasa tempoh yang dilanjutkan. Untuk memastikan nilai unit-unit yang mencukupi, premium tambahan mungkin diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan. Semasa tempoh perlindungan yang dilanjutkan, perlindungan daripada pelan asas dan rider(-rider) (jika berkenaan) akan tetap sama.
- Anda boleh memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan selepas polisi anda dikeluarkan, ini akan menyebabkan perlindungan anda berakhir pada tempoh polisi asal. Sebarang permintaan berikutnya untuk memohon semula Perlanjutan Tempoh Perlindungan adalah tertakluk kepada pengunderaitan.
- Andaikan seorang lelaki, berumur 22 tahun, bukan perokok, kelas pekerjaan 1, membeli polisi **PRUWith You Plus** dengan Jumlah Diinsuranskan Asas RM100,000, Total Multi Crisis Care RM100,000, **PRUMillion Med Active 2.0 R&B 200** dengan deduktibel RM500, tempoh polisi sehingga umur pada hari jadi yang akan datang (ANB) 80 dengan lanjutan automatik, 100% dana ekuiti dengan bayaran premium bulanan melalui kad kredit, anggaran jumlah premium yang harus dibayar apabila tiada tuntutan dibuat dan diluluskan:

Jumlah premium yang harus dibayar berdasarkan tempoh perlindungan sehingga ANB 80	Untuk meningkatkan kemampuan polisi anda sehingga umur 100 tahun	
	Alternatif 1	Alternatif 2
RM250.00 bulanan daripada umur 22 hingga umur 78	<p>Kami menasihatkan anda untuk terus membayar jumlah premium yang harus dibayar dalam tempoh yang dilanjutkan.</p> <p>Tambahan pula, penambahan Tokokan Premium Berkala sebanyak RM50.00 bulanan adalah dicadangkan daripada umur 22 sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan.</p> <p>Jumlah premium yang harus dibayar: RM300.00 bulanan daripada umur 22 hingga umur 99.</p>	<p>Kami menasihatkan anda untuk terus membayar jumlah premium yang harus dibayar dalam tempoh yang dilanjutkan.</p> <p>Tambahan pula, penambahan Tokokan Premium Berkala sebanyak RM2,771.00 bulanan adalah dicadangkan daripada umur 79 tahun sehingga akhir Perlanjutan Tempoh Perlindungan.</p> <p>Jumlah premium yang perlu dibayar: RM250.00 bulanan daripada umur 22 hingga umur 78. RM3,021.00 bulanan daripada umur 79 hingga umur 99.</p>

### Nota:

- Premium adalah tidak terjamin dan mungkin berubah pada masa akan datang bergantung kepada pulangan pelaburan sebenar, pembayaran premium, manfaat-manfaat polisi dan caj-caj (termasuk sebarang semakan semula caj insurans). Anda boleh merujuk kepada penyata tahunan untuk amaun Tokokan Premium Berkala yang dicadangkan, yang dikemas kini setiap tahun, untuk meningkatkan kemampuan polisi sehingga tempoh yang dilanjutkan (berdasarkan Alternatif 1 di atas), dan boleh mempertimbangkan untuk membuat tokokan premium anda dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kemampuan polisi anda. Kami akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum Perlanjutan Tempoh Perlindungan jika terdapat sebarang premium tambahan yang diperlukan dalam tempoh yang dilanjutkan.
  - Jika polisi anda dilampirkan dengan rider payor, anda mungkin perlu meningkatkan jumlah diinsuranskan untuk rider payor disebabkan peningkatan premium (tidak termasuk sebarang tambahan premium sementara) untuk menampung tempoh yang dilanjutkan (tertakluk kepada pengunderaitan) atau sebarang semakan semula caj insurans. Jika polisi anda di bawah status tuntutan payor dan peningkatan premium diperlukan, anda mungkin perlu membayar amaun premium tambahan yang tidak dilindungi oleh syarikat untuk meningkatkan kemampuan polisi anda.
  - Umur yang dinyatakan dalam jadual di atas merujuk kepada umur Hayat Yang Diinsuranskan pada Ulang Tahun Polisi.
  - Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk untuk maklumat selanjutnya.
- PRUWith You Plus** dan rider-ridernya yang boleh dilampirkan (jika ada) bukan produk patuh Syariah.
  - Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin memperoleh amaun yang kurang daripada premium yang telah anda bayar. Pada penyerahan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah polisi ini akan ditamatkan.
  - Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diutamakan dan diguna pakai.

**Prudential Assurance Malaysia Berhad** 198301012262 (107655-U)

Aras 20, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-2771 0228, 03-2116 0228

Laman web: [www.prudential.com.my](http://www.prudential.com.my)

**SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH.**